

Buktikan pasukan impian Anwar

UM - 11/12/2022 mlb: 3

PETALING JAYA: Penyertaan 27 lagi timbalan menteri dalam barisan Kabinet Kerajaan Perpaduan Datuk Seri Anwar Ibrahim selari dengan hasrat Perdana Menteri yang mahukan pasukan kecil dalam pentadbirannya.

Bagaimanapun kesemua 55 menteri dan timbalan menteri dilantik yang terdiri daripada gabungan muka baharu dan berpengalaman perlu membuktikan mereka adalah pasukan impian Anwar.

Malah, individu yang dilantik diminta memperuntukkan tempoh hanya tiga bulan untuk

mempelajari struktur pentadbiran dalam menerajui kementerian masing-masing.

Ia penting supaya apa sahaja dasar dan polisi yang dikemukakan dapat memenuhi setiap lapisan kehendak rakyat untuk memastikan tiada yang tertinggal.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. P. Sivamurugan berkata, pelantikan 27 lagi timbalan menteri melengkapkan Kabinet yang merangkumi pelbagai latar blok politik, keseim-

bangkan jantina dan kepakaran serta pengalaman yang disifatkan menarik.

“Jadi yang penting adalah apabila sudah dibentuk, (permasalahan utama adalah) bagaimanakah menjadi pasukan impian Perdana Menteri untuk membolehkan mereka menelusuri politik penyatupaduan supaya dapat menggarap nilai kenapa mereka dilantik.

“Jadi mereka perlu faham, hormat dan terima ini adalah kerajaan bersama atas konsep rakan kongsi dan bukan mengikut penetapan jalur politik

masing-masing, itu penting.

“Walaupun bukan dalam erti kata sebenar ia bukan Kabinet Perpaduan, tetapi anggota Kabinet boleh merealisasikan nilai perpaduan dengan membentuk identiti berdasarkan perbezaan dari segi fahaman poltiik mereka,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Sivamurugan berkata, anggota Kabinet harus membelakangkan fahaman politik bagi membawa agenda membetulkan dasar atau polisi di kementerian atau agensi masing-masing.